

# Era wanita dapat pengiktirafan

UM 23 APR 2022

MELAKA 22 April — Era pemerintahan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merupakan **kemuncak** kepada perjuangan kaum wanita Malaysia untuk mendapat pengiktirafan masyarakat.

Pensyarah Sejarah Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam berkata, **pembentukan** Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga pada tahun lalu merupakan kejayaan penting dalam perjuangan wanita selama lebih 40 tahun untuk membela nasib mereka.

“Sejak sebelum merdeka lagi kita sudah berusaha untuk mendapat pengiktirafan kerajaan supaya bukan sahaja menganggap wanita sebagai sebahagian daripada masyarakat, tetapi juga melihat bahawa permasalahan wanita adalah unik.

“Perdana Menteri memberikan pengiktirafan itu dengan membentuk Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga tahun lalu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika **membentangkan** kertas kerja bertajuk Pemikiran Mengenai Wanita pada Kolokium Pemikiran Dr. Mahathir Mohamad di Hotel Golden Legacy di sini hari ini.

Menurut Dr. Ramlah, Dr. Mahathir juga telah memastikan golongan wanita dapat dibela secara lebih berkesan dengan memperkenalkan beberapa akta untuk melindungi mereka.